

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENUTUPAN SEKOLAH
DI KAMPUNG HAJI BAKI, KUCHING, SARAWAK**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin merujuk pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan pada 27 Oktober 2020 berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang akan berkuatkuasa pada 28 Oktober 2020 di Kampung Haji Baki, Kuching, Sarawak.

Selaras dengan pengumuman tersebut, KPM memutuskan sekolah SK Jalan Haji Baki yang telah diarahkan tutup pada 26 Oktober 2020 selama tujuh hari akan dilanjutkan tempoh penutupan sehingga 10 November 2020.

Sepanjang tempoh penutupan tersebut, pentadbir sekolah diarah untuk memastikan guru-guru serta murid melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah boleh dimuat turun di portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
27 OKTOBER 2020**